

No. Sebut harga : **JPV/K/200-5/1**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 1, Lot 4G1, Blok Podium, Wisma Tani
No.28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	TOYOTA FORTUNER 2.5G	WPR7269	1	RM13,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **16 Mei 2025 (Jumaat)** hingga **20 Mei 2025 (Selasa)** di antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di **Pejabat Penguatkuasa Veterinar Negeri Sembilan**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JPV/K/200-5/1** dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
Lot 1504, Mukim Pantai
Batu 6 Jalan Jelevu
71770 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 Mei 2025 (Khamis)** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan aset ini boleh berhubung dengan Encik Abd Hanan bin Mohd Rosli ditalian 06-7628857.



(ABDUL RAHIM BIN MINTAL)

Ketua Penguatkuasa Veterinar Negeri
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

Tarikh: 09 Mei 2025
Cap:



**SYARAT DAN PERATURAN
SEBUT HARGA PELUPUSAN TOYOTA FORTUNER (WPR7269) SECARA JUALAN
SEBUTHARGA PEJABAT PENGUATKUASA VETERINAR NEGERI SEMBILAN**

1. Aset (kenderaan) akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.